



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PENYERAHAN PERCA KAIN UNTUK
UPCYCLE OLEH SOUTH ISLAND GARMENT

TARIKH / MASA / TEMPAT

27 JUN 2020 (SABTU)

11.30 PAGI

**RUANG LOBI MENARA MBSP
BANDAR PERDA**

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir Hajah Rosnani Binti Haji Mahmud
Setiausaha Bandaraya
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Encik Lim Eng Chuan
Pengurus Besar
South Island Garment Sdn. Bhd.

Kakitangan-Kakitangan
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita berkumpul dalam Majlis Penyerahan Perca Kain Untuk *Upcycle* oleh South Island Garment Sdn. Bhd. di Menara MBSP Bandar Perda.

Saya mengalu-alukan kehadiran Yang Berusaha Encik Lim Eng Chuan, Pengurus Besar South Island Garment Sdn. Bhd.; Ahli-Ahli Majlis MBSP, Yang Berusaha Puan Setiausaha Bandaraya, tuan-tuan dan puan-puan dalam bersama-sama memeriahkan majlis kita pada pagi yang barakah ini.

Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada Yang Berusaha Encik Lim Eng Chuan di atas sokongan padu yang diberikan oleh South Island Garment Sdn. Bhd. dalam menjayakan program ini. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, MBSP telah berganding bahu dengan South Island Garment Sdn. Bhd. dalam pelbagai usaha untuk memelihara dan memulihara alam sekitar sejak tahun 2016.

South Island Garment Sdn. Bhd. menunjukkan komitmen dan dedikasi yang amat tinggi dalam usaha-usaha *Corporate Social Responsibility* (CSR) untuk memelihara alam sekitar bersama-sama MBSP. Mereka mula melibatkan diri dalam usaha rawatan air sungai menggunakan bebola tanah (*RM Mudballs*), aktiviti kitar semula dan menyertai program sisa sifar dengan mengumpul sisa makanan untuk dihantar ke Pasar Bagan Ajam untuk tujuan pengkomposan. South Island Garment Sdn. Bhd. juga terlibat dalam penganjuran dan penajaan Pertandingan Halaman Rumah Bersih dan Indah di Permatang Nibong.

South Island Garment Sdn. Bhd. bukan sahaja terlibat dalam penajaan dan penganjuran program-program bersama MBSP, malahan pihak pengurusan dan juga kakitangan-kakitangan South Island Garment Sdn. Bhd. menunjukkan komitmen tinggi dalam penjagaan kebersihan, keindahan, kehijauan bumi dan kesejahteraan alam sekitar dalam setiap program dan aktiviti yang dianjurkan. Saya amat kagum dengan semangat yang ditunjukkan oleh South Island Garment Sdn. Bhd. Syabas dan Tahniah!

Kerjasama dengan pihak swasta sebegini merupakan satu bentuk *smart partnership* menggunakan konsep 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet Partnership*), di mana melalui pendekatan *people and private partnership*, MBSP bukan sahaja menjalinkan kerjasama dengan syarikat korporat, malahan juga melibatkan masyarakat setempat yang secara tidak langsung memberi impak positif terhadap usaha pemeliharaan alam sekitar dan bumi kita.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

MBSP sedang menyediakan *road map* ke arah *circular economy* bertujuan untuk mengukuhkan usaha untuk menjadikan Seberang Perai Bandar Raya Rendah Karbon pada tahun 2022, Bandar Raya *Carbon Neutral* pada tahun 2030, iaitu 10 tahun dari Januari 2020 dan menjadi Bandar Raya *Zero Carbon* (sifar karbon) pada tahun 2050. Usaha ini juga sejajar dengan Wawasan *Penang2030* untuk menjadikan Pulau Pinang “*A Family-Focused Green and Smart State That Inspires The Nation*”.

Justeru, MBSP amat mengalu-alukan kerjasama daripada semua komuniti dan pihak swasta (perindustrian) di SPU, SPT dan SPS untuk memaksimumkan kitar semula, meminimakan sisa lebihan, mengurangkan

penggunaan dan memastikan setiap barangan yang dihasilkan boleh diguna semula, dibaiki, dikitar dan dikomposkan sesuai dengan konsep 8R yang sentiasa saya war-warkan iaitu *Rethink; Refuse; Reduce; Re-use; Repair; Re-gift; Recover; dan Recycle.*

South Island Garment Sdn. Bhd. telahpun mengamalkan 8R di mana mereka telah menyumbangkan kain lebihan atau terpakai (perca kain) kepada komuniti untuk dijahit dan dijadikan bahan *upcycle* seperti beg.

Perca kain adalah kain sisa guntingan yang berasal daripada pembuatan pakaian, kerajinan atau produk tekstil lainnya. Pada peringkat awalnya perca kain daripada South Island Garment Sdn. Bhd. dibuang di Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung. Apabila menyedari kain perca boleh digunakan menghasilkan produk-produk hasil tangan seperti selimut, sarung bantal, karpet atau pelapik lap kaki, tas tangan dan bermacam produk lagi, pihak South Island Garment Sdn. Bhd. telah mula mengumpul kain perca ini dan dibahagikan kepada pihak-pihak yang berminat untuk program *upcycle*. Sebanyak 180 kg perca kain telah dikumpul dan dibahagikan kepada enam (6) komuniti atau individu setiap bulan. Kumpulan komuniti dan individu yang telah dikenalpasti adalah:-

- i. Koperasi Lestari Alam Sekitar Permatang Nibong Berhad
- ii. Pertubuhan Penduduk Kepala Gajah
- iii. Briged Wanita KADUN Jawi
- iv. Puan Asni Othman
- v. Puan Ooi Guat Tin
- vi. Puan Chew Swee Keok

Hari ini kita akan menyaksikan upacara penyerahan perca kain untuk tujuan *upcycle* kepada komuniti dan individu. Saya amat berterima kasih atas dedikasi yang ditunjukkan oleh South Island Garment Sdn. Bhd. dalam usaha memelihara dan memulihara alam sekitar.

Adalah diharapkan banyak lagi syarikat swasta dari sektor perindustrian yang dapat menunjukkan komitmen yang tinggi serta melaksanakan ciri-ciri amalan hijau dengan cemerlang ke arah perubahan alam sekitar yang positif. Ini merupakan satu titik mula yang penting dalam membentuk masyarakat yang menjaga dan mencintai alam sekitar sejajar dengan matlamat MBSP untuk menjadi Bandaraya Rendah Karbon (*Low Carbon City*) menjelang tahun 2022.

Buat masa ini pihak Autocity Juru telah bersetuju menyediakan tapak percuma kepada komuniti dan individu untuk mengadakan jualan hasil produk perca kain pada Sabtu pertama setiap bulan dan Growth Market pula pada Ahad kedua setiap bulan. Selepas tamat Perintah Kawalan Pergerakan, jualan hasil produk daripada perca kain akan mula dilaksanakan di Design Village pada setiap Ahad ketiga setiap bulan.

Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Autocity Juru, Growth Market dan Design Village kerana mewujudkan platform kepada usahawan-usahawan, petani-petani dan komuniti-komuniti tempatan yang menghasilkan *homemade products* bagi mengadakan jualan untuk memasarkan produk mereka. Konsep pengumpulan produk-produk upcycle, recycle dan hasil tempatan di satu tempat adalah satu langkah dalam mengurangkan jejak karbon, dan ini sejajar dengan halatuju Majlis Bandaraya Seberang Perai untuk menjadi Bandaraya Rendah Karbon pada 2022 dan Bandaraya Bebas Karbon pada 2030.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

MBSP bersama-sama Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memulakan langkah-langkah awal untuk mengawal dan mengurangkan sisa-sisa buangan ke tapak pelupusan sampah melalui pelbagai program *Waste To Protein*, *Waste To Compost* dan *Waste To Energy*. Antara usaha-usaha yang telah dilaksanakan ialah Dasar Pengasingan Sisa Di Punca, Kempen Makan Sampai Habis, Program Kitar Semula dan *Upcycle*, *Smart Consumption Model 8R*, Program LA21, penggunaan mesin kompos *Economical Food Waste Composter* atau EFWC dan pelbagai program-program agar dapat mewujudkan persekitaran yang bersih dan hijau. Saya harus memberi pengiktirafan ini kepada anda semua dan semua komuniti Seberang Perai kerana kita berada dilandasan yang betul. Pengurusan sampah yang baik terutamanya sisa organik atau sisa makanan akan mengurangkan bau busuk, mencegah pembiakan makhluk perosak dan sekaligus memastikan alam sekitar lebih selesa dan sihat untuk didiami.

Saya bagi pihak MBSP mengucapkan ribuan terima kasih kepada penduduk Seberang Perai yang menyokong semua usaha yang telah dibuat oleh MBSP selama ini dan berharap agar terus menyokong inisiatif-inisiatif

yang direncanakan oleh MBSP ke arah pembentukan Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar menjelang tahun 2022.

Akhir kata, saya juga mengucapkan terima kasih kepada pihak South Island Garment Sdn. Bhd., pihak Autocity Juru, Growth Market, Design Village, komuniti-komuniti dan individu-individu di Seberang Perai yang telah memberi kerjasama dan sokongan dalam menjayakan kesemua usaha dan program yang telah dibuat oleh MBSP.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.